



BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA  
JABATAN PERTANIAN  
(*Department of Agriculture*)  
WISMA TANI, TINGKAT 4-6  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50632 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel : 603-2030 1400  
Faks : 603-2691 7551  
Laman Web : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2  
(Our Ref.) Jld.VII(5)

Tarikh : 9 September 2021  
(Date)

## KEPADA YANG BERKENAAN

### SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK BILANGAN 6 TAHUN 2021

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974 Garis Panduan Nama Dagangan Produk Racun Makhluk Perosak (Pindaan 2021)

## TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan pelaksanaan tatacara Nama Dagangan racun makhluk perosak mulai tahun 2021.

## LATAR BELAKANG

Lembaga Racun Makhluk Perosak telah mengambil keputusan untuk memperkasakan semua garis panduan berkenaan Pendaftaran Racun Makhluk Perosak dan salah satunya adalah dengan mengemaskini Garis Panduan Nama Dagangan. Keperluan untuk mengemaskini garis panduan tersebut adalah atas sebab-sebab seperti berikut:

1. Garis Panduan Nama Dagangan sedia ada telah digunakan sejak tahun 2003.
2. Terdapat keperluan untuk mengemaskini Garis Panduan Nama Dagangan dengan memasukkan elemen-elemen baharu selaras dengan perkembangan industri racun makhluk perosak dan kehendak perundangan dibawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.
3. Kualiti nama dagangan boleh dipertingkatkan kepada tahap yang lebih baik berbanding sebelum ini.



### **PELAKSANAAN**

Dengan surat pekeliling ini, pihak pendaftar racun makhluk perosak hendaklah menggunakan Garis Panduan Nama Dagangan (Pindaan 2021) ini dalam membuat proses penamaan Nama Dagangan produk racun makhluk perosak. Pihak pendaftar racun makhluk perosak hendaklah mematuhi semua peraturan yang dinyatakan dalam garis panduan ini. Bersama-sama surat pekeliling ini disertakan Garis Panduan Nama Dagangan Racun Makhluk Perosak (Pindaan 2021) sebagai rujukan pihak pendaftar racun makhluk perosak. Garis Panduan ini boleh diakses melalui laman sesawang <http://www.doa.gov.my>

### **TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.


### **PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Garis Panduan Nama Dagangan Tahun 2003 adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**(MAT IESAK BIN NGATHINNEE)**  
Setiausaha,  
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :

Pengarah Eksekutif,  
Persatuan Pemeliharaan Tanaman & Keshatan Awam Malaysia (MCPA)